

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 04 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 04

3 negara sedia terima semula sisa plastik

PETALING JAYA - Tiga negara sudah mengesahkan kesediaan untuk menerima kembali 89 kontena mengandungi sisa plastik dan sampah milik mereka yang masih tersadai di beberapa pelabuhan di negara ketika ini.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, ketiga-tiga negara berkenaan juga bersejua Malaysia tidak akan menanggung kos penghantaran semula kontena tersebut.

Beliau bagaimanapun tidak mendedahkan nama

tiga negara itu pada masa ini.

"Kami dah tahu di mana negara asal dan kami telah menghubungi duta-duta negara berkenaan dan tiga negara ini secara lisan setuju untuk dapatkan balik (kontena) tanpa kos daripada kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan MCIS Insurans di sini semalam.



BEE YIN

Menurut Bee Yin, selain di Pelabuhan Klang, pihaknya mendapati terdapat juga kontena yang berisi sisa plastik dan sampah itu di pelabuhan di Pulau Pinang dan Sarawak.